

**SULIT**



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : PERAKAUNAN DAN KEWANGAN  
KOD KURSUS : DAT 20702  
KOD PROGRAM : DAT  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN.

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

**SULIT**

**SULIT**

- S1**
- (a) Senaraikan **ENAM (6)** pengguna penyata kewangan. (3 markah)
- (b) Nyatakan mengapa kod etika profesion perakaunan sangat dititikberatkan bagi seorang akauntan. (1 markah)
- (c) “Syarikat Berhad terpisah daripada pemegang sahamnya.”  
Terangkan maksud pernyataan di atas dengan memberi contoh. (2 markah)
- (d) Lengkapkan **Jadual S1(d)**. (4 markah)
- S2**
- (a) Senaraikan **EMPAT (4)** dokumen yang menghasilkan catatan perakaunan. (2 markah)
- (b) Nyatakan **EMPAT (4)** kepentingan penyata aliran tunai. (2 markah)
- (c) Berikan **DUA (2)** contoh belanjawan operasi. (1 markah)
- (d) Syarikat Fahmy mempunyai aset semasa dan liabiliti semasa bagi tahun 2015 dan 2016 seperti di bawah:

	2016	2015
<b>Aset Semasa</b>	RM188,910	RM166,480
<b>Liabiliti Semasa</b>	RM67,800	RM74,100

- (i) Tentukan nisbah semasa bagi kedua-dua tahun tersebut. (2 markah)
- (ii) Analisa nisbah yang diperolehi bagi kedua-dua tahun tersebut berdasarkan jawapan d(i). (3 markah)

**TERBUKA**



**SULIT**

- S3** Sediakan Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Ekuiti Pemilik untuk merekodkan urus niaga yang berikut bagi bulan Januari dalam Lejar Encik Fahmy.

Jan 1	Memulakan perniagaan dengan memasukkan RM25,000 ke dalam Akaun Bank perniagaan dan tunai RM5,000.
3	Beli alatan pejabat secara tunai RM3,000.
5	Beli alatan pejabat RM3,500 secara kredit daripada Syarikat Cekap.
9	Beli sebuah van terpakai RM20,000 daripada Syarikat Juara. Keluarkan cek RM5,000 untuk bayaran pertama dan bakinya akan dibayar kemudian.
10	Bayar kepada Syarikat Cekap tunai RM1,500.
12	Jual kepada Encik Saat sebahagian daripada alatan pejabat yang dibeli pada 3 Januari kerana tidak sesuai dengan harga RM1,000. Tunai RM200 telah diterima dan bakinya kemudian.
16	Beli alatan pejabat RM2,000 secara kredit daripada Syarikat Cekap.
28	Terima cek RM400 daripada Encik Saat.
31	Bayar RM3,000 kepada Syarikat Juara dengan cek.
31	Keluar tunai RM300 untuk kegunaan sendiri.

(30 markah)

**- SOALAN TAMAT-****TERBUKA****SULIT**

**SULIT****PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER/SESI : SEM II / 2016/2017

PROGRAM : DAT

NAMA KURSUS : PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

KOD KURSUS : DAT20702

**Jadual S1(d)**

	<b>Aset</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Ekuiti Pemilik</b>
(a)	RM85,000	RM40,000	?
(b)	RM50,000	RM50,000	?
(c)	RM88,000	?	RM30,000
(d)	?	RM25,000	RM65,000

**TERBUKA**